



## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 19/2020

RUJUKAN : 10 APRIL 2020



**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Langkah kawalan pergerakan adalah satu mekanisma penting bagi memastikan rantaian penularan jangkitan COVID-19 dapat dihentikan. Kerajaan sehingga kini telah melaksanakan langkah kawalan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama dan Kedua termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di beberapa lokasi yang dikategorikan berisiko tinggi. Pada 10 April 2020, bagi memastikan pendekatan yang dipraktikkan ini memberikan hasil yang konklusif, kerajaan mengumumkan untuk melanjutkan tempoh PKP sehingga 28 April 2020. Usaha berterusan memerangi wabak ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan langkah awalan yang telah diambil disamping mengelakkan penularan semula wabak dikalangan masyarakat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut menyarankan negara-negara agar tidak menamatkan PKP dalam jangkamasa yang singkat kerana dikhuatiri risiko penularan semula jangkitan kembali rancak di dalam negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan statistik **kes yang telah pulih meningkat kepada 222 kes, mengatasi bilangan kes positif baharu** untuk hari yang ketiga pada 10 April 2020. Secara kumulatif, **kes discaj atau pulih merekodkan sebanyak 1,830 kes** dan **menyumbang 42.1 peratus** daripada keseluruhan jangkitan COVID-19. Kes positif baharu **meningkat 118 kes** menjadikan jumlah kumulatif jangkitan **meningkat kepada 4,346 kes**. **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif **sebanyak 43.9 peratus**, Zon Selatan (21.8 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.6 peratus), Zon Utara (10.6 peratus), dan Zon Pantai Timur dengan 10.1 peratus. Pertambahan kes baharu peringkat negeri antaranya adalah menerusi peningkatan di Selangor sebanyak 30 kes disusuli Johor dengan 20 kes, Sarawak (15 kes), WP Kuala Lumpur (14 kes), Melaka (14 kes) dan Negeri Sembilan (11 kes). Secara umumnya Johor, Melaka, Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang merekodkan kes baharu harian mengatasi catatan hari sebelumnya. Sementara itu, **jumlah kematian** yang dicatatkan sehingga kini adalah sebanyak **70 kes** dengan **pertambahan 3 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan sebanyak **25 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah**, pertambahan satu daerah di Hulu Selangor. **Lembah Pantai** mencatatkan **kes jangkitan tertinggi dengan 424 kes** diikuti Hulu Langat (366 kes) dan Petaling (314 kes). Sehingga 9 April 2020, tiada catatan zon merah direkodkan bagi daerah-daerah di Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sementara sejumlah 29 daerah dari seluruh negara masih mengekalkan rekod zon hijau atau tanpa jangkitan positif COVID-19.

**Jumlah kes positif COVID-19 di seluruh dunia** meningkat kepada **1,486,090** kes dengan **jumlah kematian** yang dicatatkan **88,569** kes. Amerika Syarikat mendominasi **bilangan jangkitan positif sebanyak 432,438**, meningkat 32,509 kes disusuli Sepanyol dengan catatan 148,220 kes, Itali (139,422 kes) dan Jerman dengan 113,296 kes. Sementara itu, **19.9 peratus daripada** statistik **jumlah kematian dunia** kesan dari wabak ini **didominasi oleh Itali** manakala **16.7 peratus** direkodkan oleh **Amerika Syarikat**. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada kadar 5.96 peratus manakala kes sembah meningkat kepada 330,903 berdasarkan statistik pada 9 April 2020.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menyasarkan untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di kalangan masyarakat. Kerajaan juga mengambil langkah responsif bagi mengimbangi kesihatan ekonomi negara dengan membenarkan sektor-sektor ekonomi yang tertentu untuk beroperasi semenjak pengumuman PKP fasa yang pertama. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menyenaraikan perkhidmatan dan industri kritikal yang mendapat kebenaran untuk menjalankan operasi sepanjang tempoh tersebut. Langkah ini dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan ekonomi, mengelakkan kehilangan guna tenaga yang tinggi selain memastikan rakyat terus mendapat akses kepada keperluan asas. Namun demikian, terdapat keresahan pemain ekonomi yang tidak disenaraikan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berhubung kedudukan kewangan dan kemungkinan meningkatnya pengangguran. Sehubungan itu, kerajaan telah membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa dengan garis panduan penjagaan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat. MITI telah memperhalusi sektor-sektor tambahan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

- tahap kepentingan di dalam rantai bekalan global (*global value chain*) dan eksport negara. Langkah ini adalah untuk menjamin kestabilan aktiviti eksport;
- aktiviti ekonomi sektor yang mempunyai gandaan nilai tambah (*value-added multiplier*) yang tinggi;
- impak ke atas kelangsungan PKS dalam sektor ekonomi khususnya pembuatan dan perkhidmatan; dan
- jumlah tenaga kerja yang terlibat.

Keputusan Kerajaan ini berdasarkan penelitian yang mendapati penularan COVID-19 bukan sahaja memberi kesan yang besar ke atas kesihatan, tetapi juga akan membawa mudarat kepada prestasi kewangan, ekonomi dan kesejahteraan rakyat khususnya industri PKS sebagai penyumbang tenaga kerja terbesar di Malaysia.

Prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara turut terkesan dengan situasi kejutan ekonomi global ini. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Daily memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

**GLOBAL:** Menurut bank-bank di Wall Street, ekonomi dunia dijangka akan kehilangan AS\$ 5 trillion bagi tempoh 2 tahun akan datang akibat penularan COVID-19, iaitu nilai penurunan yang lebih besar dari KDNK Jepun. Meskipun dengan rangsangan fiskal dan monetari yang dilaksanakan, KDNK Global dijangka tidak mencapai trend pra-krisis sekurang-kurangnya 2022. (Bloomberg)

**AS:** Jumlah penduduk AS yang menuntut faedah pengangguran melebihi 6 juta untuk 2 minggu berturut-turut. Laporan tuntutan pengangguran ini menguatkan lagi jangkaan ahli ekonomi bahawa AS sedang menghadapi kemelesetan yang meruncing dengan ramalan 20 juta penduduk akan kehilangan pekerjaan pada April 2020. (Reuters)

**AS:** Inventori Perdagangan Borong AS bagi Februari 2020 merosot pada kadar lebih tinggi (-0.7 peratus) berbanding jangkaan (-0.5 peratus). Penurunan yang lebih tinggi ini disumbangkan kejatuhan inventori barang tahan lama sebanyak -0.8 peratus manakala inventori barang tidak tahan lama merosot -0.4 peratus. Laporan turut menunjukkan, jualan borong menurun -0.8 peratus pada bulan rujukan berbanding pertumbuhan 1.3 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

**UK:** Office of National Statistics (ONS) melaporkan, KDNK UK bagi bulan Februari 2020 mencatatkan kejatuhan -0.1 peratus pada asas perbandingan bulan ke bulan (*m-o-m*). Sektor perkhidmatan mencatatkan “tiada pertumbuhan” (0 peratus) berbanding peningkatan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Manakala, sektor pengeluaran perindustrian berkembang 0.1 peratus didorong oleh sektor pembuatan yang meningkat 0.5 peratus. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan merosot -1.7 peratus yang terkesan oleh masalah cuaca dan banjir. Bagi 3 bulan berakhir Februari 2020 (Disember-19, Januari 2020 & Februari 2020), KDNK UK bertumbuh pada kadar marginal 0.1 peratus. (RTT)

**UK:** Bank of England bersetuju untuk membiayai secara sementara pinjaman kerajaan bagi menangani krisis COVID-19 sekiranya pembiayaan melalui pasaran hutang tidak diperolehi secara segera. (Reuters)

**JEPUN:** Menurut Gabenor Bank Pusat Jepun, ketidaktentuan prospek ekonomi Jepun adalah “sangat tinggi” apabila krisis COVID-19 yang melanda memberi kesan kepada negara tersebut. Penularan COVID-19 ini memberi impak yang besar terhadap ekonomi Jepun melalui kejatuhan eksport, pengeluaran, pelancongan dan penggunaan swasta. Beliau turut menekankan, langkah-langkah kewangan tambahan akan diambil bagi mencegah kemelesetan makin mendalam. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ringgit diniagakan tinggi berbanding dolar US semalam.** Mata wang Amerika Syarikat (AS) dilihat lemah susulan pengumuman rangsangan kewangan oleh Rizab Persekutuan AS (Fed). Trend itu **dijangka berterusan** berikutan kerajaan di seluruh dunia bersedia untuk meningkatkan ekonomi mereka **secara fiskal dan monetari**.
2. **Kadar hutang dalam negeri dijangka tidak melebihi 55 peratus** bagi menghadapi tekanan daripada wabak COVID-19. Tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi dasar monetari seperti **penilaian semula terhadap Kadar Dasar Semalam (OPR)** dan **Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR)** dipercayai dapat mengurangkan beban isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat wabak COVID-19.
3. Jumlah keseluruhan **stok minyak sawit Malaysia meningkat 1.67 peratus** kepada **1.72 juta tan pada Mac 2020** daripada 1.70 juta tan pada Februari 2020. **Eksport minyak sawit mengukuh 9.15 peratus kepada 1.18 juta tan** daripada 1.08 juta tan bagi tempoh yang sama. Jumlah keseluruhan **import minyak sawit meningkat 12.77 peratus** kepada 75,258 tan daripada 66,735 tan sebelumnya.
4. **Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka menurun** pada tahun 2020 disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlangsung sejak 18 Mac 2020. **Pertumbuhan penggunaan swasta akan memerlukan masa** untuk kembali normal kerana kejutan sementara terhadap pendapatan (*income temporary shock*) bagi isi rumah yang pendapatannya terjejas **serta kekurangan kuasa pembeli**.
5. **Pelancaran kempen Save Our Shops (S.O.S)** oleh **AirAsia** dilihat akan membantu peniaga tempatan yang terjejas akibat Covid-19 dengan memasarkan produk melalui platform e-dagang dan telah menerima sambutan menggalakkan dengan lebih **3,600 permohonan daripada para peniaga**.
6. Jumlah **penumpang di 39 lapangan terbang Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) menjunam 63.6 peratus kepada 3.24 juta** pada Mac 2020. Pada Februari, MAHB melaporkan kemerosotan 23.4 peratus kepada 6.24 juta daripada 8.15 juta pada tahun 2019.

7. **Persatuan Pemberi Pinjaman Wang (Kredit Komuniti) dan Persatuan Pajak Gadai** bersetuju memberi **moratorium selama tiga bulan** kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) susulan pelaksanaan PKP.
8. **Perkhidmatan arkitek** turut terkesan akibat PKP kerana kebanyakan pekerja **terdiri daripada kategori profesional dan kemahiran** dengan kadar bayaran gaji yang tinggi.
9. Dijangkakan **permintaan sarung tangan getah** di peringkat global **mencecah 300 bilion** pada tahun ini dengan anggaran pertumbuhan tahunan **sebanyak 12 peratus**. Daripada jumlah itu, **188 bilion sarung tangan akan dihasilkan di Malaysia** selaku pengeluar utama dunia dan peneraju eksport sarung tangan sekali gus **menyumbang 63 peratus bekalan global**.
10. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) **mengunjurkan 170 negara akan mencatat pertumbuhan pendapatan per kapita negatif pada tahun ini**, iaitu impak ekonomi terburuk sejak Zaman Kemelesetan Besar.
11. Sebanyak **61 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST)** yang **diwujudkan di seluruh negara** mencatatkan hasil jualan keseluruhan terkini melebihi RM11 juta.
12. Sejumlah **RM1.1 bilion diperuntukkan kerajaan Sarawak** dalam Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 2.0 (BKSS 2.0) bagi membantu PKS kecil **untuk meneruskan perniagaan**. PKS menyediakan kira-kira 600,000 pekerjaan untuk rakyat Sarawak.
13. **Sesi persekolahan akan ditangguhkan** sehingga kerajaan benar-benar yakin negara kembali pulih daripada wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, pelajar sekolah masih perlu meneruskan pembelajaran di rumah.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Sales of wholesale and retail trade grew 5.3% to RM109b in February as retail sub-sector boosts</b></p> <p>Retail sub-sector was the main contributor to the Malaysia's total sales for wholesale and retail trade in February.</p> <p>Year on Year, 5.3% was lower than the 6.5% growth recorded in February 2019. Month on Month on the sales value posted a negative growth of 5.1%, was contributed by all sub-sectors, namely motor vehicles, wholesale trade and retail trade of 9.4%, 5.4% and 3.4% respectively.</p> <p>In terms of volume, the wholesale and retail trade grew 5.4% Year on Year, driven by retail trade, which expanded 6.4%, followed by wholesale trade (4.9%) and motor vehicles (3.6%). Month on Month, based on the seasonally adjusted volume index, there was a negative growth of -0.6% as against a 0.5% growth in January.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/sales-wholesale-and-retail-trade-grew-53-rm109b-february-retail-subsector-boasts">https://www.theedgemarkets.com/article/sales-wholesale-and-retail-trade-grew-53-rm109b-february-retail-subsector-boasts</a>
2.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<p><b>Fitch revises Malaysia's outlook to 'Negative', projects 5.8% growth next year</b></p> <p>Finance Minister said FITCH Ratings Inc affirmed Malaysia's long-term foreign-currency</p>	<a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/10/fitch-revises-malaysias-outlook-to-negative-projects-5-8-growth-next-year/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/10/fitch-revises-malaysias-outlook-to-negative-projects-5-8-growth-next-year/</a>

		<p>issuer default rating at A- and revised the outlook from ‘Stable’ to ‘Negative’. However, the international rating agency projected the country’s economy to grow 5.8% next year.</p> <p>Malaysia’s RM260 billion economic stimulus measures are expected to add 2.9 percentage points (pps) to the country’s 2020 GDP growth and place the nation on a stronger footing, benefitting from the projected global recovery in 2021.</p>	
3.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Malaysia hasil 188 bilion sarung tangan getah</b></p> <p>Permintaan sarung tangan getah di peringkat global dijangka mencecah 300 bilion tahun ini dengan anggaran pertumbuhan tahunan sebanyak 12 peratus.</p> <p>Daripada jumlah itu, 188 bilion sarung tangan akan dihasilkan di Malaysia selaku pengeluar utama dunia dan peneraju eksport sarung tangan sekali gus menyumbang 63 peratus bekalan global, diikuti Thailand (18 peratus), China (10 peratus) dan Indonesia (3.0 peratus).</p> <p>MIDA mengunjurkan perolehan eksport sarung tangan getah akan mencecah RM19.88 bilion tahun ini, meningkat berbanding RM18.8 bilion diunjurkan penggiat industri pada 2018.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/04/552163/malaysia-hasil-188-bilion-sarung-tangan-getah">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/04/552163/malaysia-hasil-188-bilion-sarung-tangan-getah</a>

4.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>CIMB, Shopmatic bantu PKS wujudkan perniagaan dalam talian</b></p> <p>CIMB Bank Bhd dan CIMB Islamic Bank Bhd akan membantu pelanggan perusahaan kecil dan sederhananya (PKS) untuk mewujudkan perniagaan dalam talian untuk mengekalkan perniagaan mereka.</p> <p>CIMB Group akan menyediakan sesi webinar percuma dengan Shopmatic, penyedia e-dagang utama di Asia Tenggara kepada semua pelanggan PKS dengan Akaun Semasa Perniagaan/Akaun-i Semasa Perniagaan CIMB.</p> <p>Platform e-dagang Shopmatic, membolehkan pelanggan membina webstore, dengan ekosistem penuh terdiri daripada modul yang memberi tumpuan kepada barang yang dipilih oleh pelanggan untuk pembelian (shopping cart), pemasaran e-mel, pembayaran, logistik dan pengoptimuman mudah alih, pembangun laman web serta pasaran dan saluran sosial.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/04/675101/cimb-shopmatic-bantu-pks-wujudkan-perniagaan-dalam-talian"><u>https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/04/675101/cimb-shopmatic-bantu-pks-wujudkan-perniagaan-dalam-talian</u></a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b>			
<ol style="list-style-type: none"> <li>Nilai jualan perdagangan borong dan runcit merekodkan RM109.0 bilion pada bulan Februari, tumbuh 5.3 peratus berbanding Februari tahun lalu, disumbangkan terutamanya oleh subsektor runcit.</li> <li>Dijangkakan permintaan sarung tangan getah di peringkat global mencecah 300 bilion pada tahun ini dengan anggaran pertumbuhan tahunan sebanyak 12 peratus. Daripada jumlah itu, 188 bilion sarung tangan akan dihasilkan di Malaysia selaku pengeluar utama dunia dan peneraju eksport sarung tangan</li> </ol>			

	<p>sekali gus menyumbang 63 peratus bekalan global. Industri ini antara industri yang menyokong prestasi sektor pembuatan Malaysia.</p> <p>3. Inisiatif membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) diteruskan dengan penyediaan platform e-dagang oleh CIMB Group. Platform ini merupakan satu inisiatif membantu perniagaan PKS untuk terus kekal aktif.</p>
--	--

Maklumbalas Bahagian:

- Pada suku keempat 2019, pertumbuhan sektor Perkhidmatan adalah didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dengan mencatatkan pertumbuhan 6.3 peratus (ST3 2019: 6.6%) disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen kenderaan bermotor (4.2%). Perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang tertinggi kepada sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 30.2 peratus.
- Permintaan sarung tangan getah yang tinggi di peringkat global akan memberi kesan positif kepada industri pembuatan produk getah dan secara keseluruhan kepada ekonomi negara. Pada ST4 2019, industri pembuatan produk getah menyumbang 0.6 peratus kepada KDNK Malaysia.
- Inisiatif CIMB Group dijangka akan memberi manfaat kepada PKS menyokong kemampanan perniagaan, kestabilan sumber pendapatan pekerja dan secara langsung membantu pertumbuhan prestasi ekonomi negara.

<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>New Straits Times</b>	<p><b>Drop in demand for Cameron Highlands veggies despite adequate supply</b></p> <p>The demand for Cameron Highlands fresh vegetables has seen a drop ever since the Movement Control Order (MCO) came into effect on March 18. The MCO which saw the closure of night markets (pasar malam), farmers' market (pasar tani) and some restaurants nationwide, resulted in wholesalers choosing to buy in smaller quantities to avoid losses.</p>	<a href="https://new.nst.com.my/news/nation/2020/04/583155/drop-demand-cameron-highlands-veggies-despite-adequate-supply">https://new.nst.com.my/news/nation/2020/04/583155/drop-demand-cameron-highlands-veggies-despite-adequate-supply</a>
2.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<b>Smaller convenience stores thrive</b>	<a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/10/smaller-convenience-stores-thrive/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/10/smaller-convenience-stores-thrive/</a>

		<p>Convenience stores like KK Super Mart and 99 Speedmart are thriving during the Movement Control Order (MCO) as consumers seek convenience in their purchases of daily essentials. Malaysian Retail Chain Association VP and Bagman Corp Sdn Bhd response that the fashion and non-essential item segments will see the most impact to this spending cut.</p> <p>According to a research by Vase.ai, the top three grocery sources are local stores or supermarkets at 40%, 99 Speedmart (39%) and Tesco (21%).</p>	<a href="#">convenience-stores-thrive/</a>
3.	<b>The Sundaily</b>	<p><b>Retailers, tour agents, golf clubs and others plan creative ways to woo customers post-MCO</b></p> <p>As companies look to regain customers and recover from their losses once the movement control order (MCO) is lifted, Malaysians can expect to enjoy various forms of discounts and incentives on a wide range of goods and services.</p> <p>Malaysia Retailers Association informed that apart from promotions and sales to stimulate the market, retailers will work with shopping malls to create activities and hold loyalty programmes.</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/local/retailers-tour-agents-golf-clubs-and-others-plan-creative-ways-to-woo-customers-post-mco-XF2241312">https://www.thesundaily.my/local/retailers-tour-agents-golf-clubs-and-others-plan-creative-ways-to-woo-customers-post-mco-XF2241312</a>
4.	<b>The Malaysian Insight</b>	<p><b>61 pasar segar terkawal catat hasil jualan lebih RM11 juta</b></p> <p>Sebanyak 61 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan</p>	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/236388">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/236388</a>

		<p>di seluruh negara setakat semalam mencatatkan hasil jualan keseluruhan terkini melebihi RM11 juta. Pewujudan PST yang dibuka sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) itu adalah untuk terus menjamin bekalan makanan mencukupi buat orang ramai, di samping membantu petugas barisan hadapan industri makanan menjual hasil perusahaan mereka.</p>	
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
5.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Dragged by MCO's travel restrictions, MAHB passenger traffic plunges 63.6% in March</b></p> <p>Passenger volume at the 39 airports that Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) operates in Malaysia plunged 63.6% annually to 3.24 million in March, due to the unprecedented travel restrictions imposed by the government since March to curb the spread of the COVID-19 pandemic. In February, MAHB reported a 23.4% year-on-year (y-o-y) slump in passenger numbers to 6.24 million passengers from 8.15 million passengers last year.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/dragged-mcos-travel-restrictions-mahb-passenger-traffic-plunges-636-march">https://www.theedgemarkets.com/article/dragged-mcos-travel-restrictions-mahb-passenger-traffic-plunges-636-march</a>
<b>C. Subsektor Kewangan</b>			
6.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Moneylenders, pawnbrokers agree to 3-month moratorium</b></p> <p>The Licensed Money Lenders Association or the Credit Community, as well as the</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/moneylenders-pawnbrokers-agree-3month-moratorium-zuraida">https://www.theedgemarkets.com/article/moneylenders-pawnbrokers-agree-3month-moratorium-zuraida</a>

		<p>pawn brokers association have agreed to a three-month moratorium to ease the burden on borrowers.</p> <p>Meanwhile, Licensed moneylenders registered with the Ministry had agreed not to impose late charges throughout the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The Credit Community is also advised not to charge interest rates in excess of what is stipulated under the Moneylenders Act 1951 (Act 400), namely 12 per cent for secured loans and 18 per cent for unsecured loans during the MCO period.</p>	
7.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Bank Rakyat fokus bantu koperasi, PKS terjejas</b></p> <p>Bank Rakyat akan terus memberikan fokus untuk membantu koperasi, perusahaan kecil dan Sederhana (PKS) serta perniagaan mikro yang terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Bank ini juga akan terus menumpukan kepada segmen perniagaan teras runcit, antaranya Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Kenderaan-i dan Ar-Rahnu.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675437/COVID-19-bank-rakyat-fokus-bantu-koperasi-pks-terjejas">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675437/COVID-19-bank-rakyat-fokus-bantu-koperasi-pks-terjejas</a>

<b>D. Subsektor Profesional</b>			
8.	<b>Bernama</b>	<p><b>PAM calls for relief measures for professional services firms</b></p> <p>Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) has called for further immediate cash flow measures to support struggling professional services firms to tide over COVID-19 and the Movement Control Order (MCO).</p> <p>PAM urges the government to implement short-term, mid-term to longer-term measures such as releasing all outstanding fee payments to architects (and other professional building consultants) working on public sector projects, including that of state development agencies, for invoices dated on or before 29 Feb 2020, immediately or within two weeks after the end of the MCO.</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1830337">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1830337</a>
<b>E. Subsektor Kesihatan Swasta</b>			
9.	<b>The Malaysian Insight</b>	<p><b>Pesakit bukan COVID-19 dipindah ke hospital swasta</b></p> <p>Beberapa pesakit bukan COVID-19 dipindahkan dari hospital awam ke hospital swasta susulan beberapa hospital terlibat sedang diubah suai untuk menangani lebih banyak kes koronavirus.</p> <p>Kerajaan telah membuat perjanjian dengan hospital swasta untuk merawat pesakit bukan COVID-19 tanpa kos tambahan kepada pesakit dan dengan kos lebih rendah dari kos biasa kerajaan.</p>	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/236340">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/236340</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Penutupan pasar malam, pasar tani dan beberapa restoran di seluruh negara akibat PKP menyebabkan permintaan pembekalan sayur-sayuran di Cameron Highlands daripada pemborong berkurang.
2. Hasil jualan kedai serbaneka seperti Speedmart dan KK Super Mart berkembang sepanjang PKP.
3. Jumlah penumpang di 39 lapangan terbang Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) menjunam 63.6 peratus kepada 3.24 juta pada Mac 2020. Pada Februari, MAHB melaporkan kemerosotan 23.4 peratus (Y-o-Y) kepada 6.24 juta daripada 8.15 juta pada tahun 2019.
4. Persatuan Pemberi Pinjaman Wang (Kredit Komuniti) dan Persatuan Pajak Gadai bersetuju memberi moratorium selama tiga bulan kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) susulan pelaksanaan PKP.
5. Bank Rakyat telah memperuntukkan dana berjumlah RM300 juta untuk kempen BizCare bertujuan membantu koperasi, perusahaan kecil dan Sederhana (PKS) serta perniagaan mikro yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
6. Perkhidmatan arkitek turut terkesan akibat PKP kerana kebanyakkan pekerja terdiri daripada kategori profesional dan kemahiran dengan kadar bayaran gaji yang tinggi.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pelbagai inisiatif kerajaan seperti mewujudkan pasar segar terkawal di seluruh negara boleh membantu industri peruncitan dalam meneruskan hasil jualan yang akan memberi impak positif terhadap penyusunan data Perdagangan Borong & Runcit pada bulan rujukan Mac 2020.
2. Kejatuhan jumlah penumpang oleh MAHB pada Februari dan Mac 2020 adalah seperti unjuran awal iaitu antara 20 hingga 70 peratus berikutan kekurangan pelancong, dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan berikutan penularan wabak COVID-19.
3. Perkhidmatan arkitek akan mencatatkan penurunan hasil kerana bayaran perkhidmatan yang telah diberikan masih tertunggak berikutan tempoh perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan.

<b>C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b>	<b>OPEC+ kurangkan bekalan 10 juta tong minyak sehari</b>  OPEC+ terdiri daripada negara-negara anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC), Rusia, dan negara pengeluar minyak yang lain.	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/67562/opec-kurangkan-bekalan-10-juta-tong-minyak-sehari">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/67562/opec-kurangkan-bekalan-10-juta-tong-minyak-sehari</a>

		<p>Negara-negara anggota kumpulan telah bersetuju untuk pengurangan pengeluaran sebanyak 10 mbpd pada Mei dan Jun sebelum mengurangkannya sebanyak lapan mbpd dari Julai hingga Disember dan enam mbpd dari Januari hingga April tahun depan.</p>	
2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Stok minyak sawit Malaysia meningkat bulan lalu</b></p> <p>Jumlah keseluruhan stok minyak sawit Malaysia meningkat 1.67 peratus kepada 1.72 juta tan pada Mac 2020 daripada 1.70 juta tan pada Februari 2020.</p> <p>Eksport minyak sawit mengukuh 9.15 peratus kepada 1.18 juta tan daripada 1.08 juta tan bagi tempoh yang sama. Eksport biodiesel melonjak 213.56 peratus kepada 68,324 tan daripada 21,790 tan. Eksport oleokimia juga meningkat 3.96 peratus kepada 260,957 tan daripada 251,016 tan bagi tempoh yang sama.</p> <p>Import minyak sawit mentah bagaimanapun berkurangan 26.01 peratus kepada 27,637 tan pada Mac daripada 37,351 tan pada Februari tahun ini. Sementara itu, jumlah keseluruhan import minyak sawit meningkat 12.77 peratus kepada 75,258 tan daripada 66,735 tan sebelumnya.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675429/stok-minyak-sawit-malaysia-meningkat-bulan-lalu">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675429/stok-minyak-sawit-malaysia-meningkat-bulan-lalu</a>

Penemuan penting & isu:

1. OPEC+ terdiri daripada negara-negara anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC), Rusia, dan negara pengeluar minyak yang lain. Negara-negara anggota kumpulan telah bersetuju untuk pengurangan pengeluaran sebanyak 10 mbpd pada Mei dan Jun sebelum mengurangkannya sebanyak 8 mbpd dari Julai hingga Disember dan 6 mbpd dari Januari hingga April tahun depan. Arab Saudi dan Russia, pengeluar terbesar dalam kumpulan itu, masing-masing akan mengurangkan output kira-kira 8.5 juta tong sehari, dengan semua anggota bersetuju memotong bekalan sebanyak 23 peratus.
2. Jumlah keseluruhan stok minyak sawit Malaysia meningkat 1.67% kepada 1.72 juta tan pada Mac 2020 daripada 1.70 juta tan pada Februari 2020. **Eksport minyak sawit** mengukuh 9.15% kepada 1.18 juta tan daripada 1.08 juta tan bagi tempoh yang sama. **Eksport biodiesel** melonjak 213.56 peratus kepada 68,324 tan daripada 21,790 tan. **Eksport oleokimia** juga meningkat 3.96 peratus kepada 260,957 tan daripada 251,016 tan bagi tempoh yang sama. Jumlah keseluruhan import minyak sawit meningkat 12.77% kepada 75,258 tan daripada 66,735 tan sebelumnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import **minyak mentah** (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM2.2 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM165.6 juta atau 8.0% daripada RM2.1 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM1.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM343.3 juta atau 16.1% daripada RM2.1 bilion.
2. Nilai import **minyak sawit mentah** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak sawit mentah bernilai RM185.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% daripada RM204.9 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit mentah meningkat RM331.1 juta atau 13.2% daripada RM2.5 bilion.
3. Nilai import **biodiesel** (HS 3826) pada tahun 2019 ialah RM582.9 juta. Sumber utama import ialah dari Indonesia (RM234.4 juta,

40.2%), Singapura (RM178.0 juta, 30.5%) dan China (RM83.0 juta, 14.2%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport biodiesel bernilai RM21.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import biodiesel jatuh sebanyak RM6.9 juta atau 24.6% daripada RM27.9 juta. Manakala, nilai eksport biodiesel ialah RM1.9 bilion. Malaysia mengeksport biodiesel ke Sepanyol (RM822.7 juta, 42.3%), Belanda (RM537.5 juta, 27.6%) dan China (RM440.8 juta, 22.7%). Pada bulan Februari 2020, eksport biodiesel bernilai RM74.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport biodiesel jatuh sebanyak RM86.8 juta atau 54.0% daripada RM160.8 juta.

4. Nilai import **oleokimia** (HS 3823120000) pada tahun 2019 ialah RM69.7 juta. Sumber utama import ialah dari Indonesia (RM49.6 juta, 71.2%), Belgium (RM18.3 juta, 26.3%) dan Jepun (RM1.2 juta, 1.7%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport oleokimia bernilai RM7.1 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import oleokimia meningkat RM2.3 juta atau 46.9% daripada RM4.8 juta. Manakala, nilai eksport oleokimia ialah RM450.9 juta. Malaysia mengeksport oleokimia ke Korea (RM61.8 juta, 13.7%), China (RM59.7 juta, 13.2%) dan India (RM52.5 juta, 11.6%). Pada bulan Februari 2020, eksport oleokimia bernilai RM45.4 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport oleokimia meningkat RM11.5 juta atau 33.7% daripada RM33.9 juta.
5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

<b>D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>The Business Times</b>	<p><b>Hatten Land unit sells Melaka land at loss to fund operations and repay borrowings</b></p> <p>A Hatten Land subsidiary is set to sell a plot of land in Malaysia for RM28.5 million (\$9.35 million), below its book value of RM32 million, which will go towards funding the group's operations and repayment of borrowings.</p>	<a href="https://www.businesstimes.com.sg/companies-markets/covid-19-hatten-land-unit-sells-melaka-land-at-loss-to-fund-operations-and-repay">https://www.businesstimes.com.sg/companies-markets/covid-19-hatten-land-unit-sells-melaka-land-at-loss-to-fund-operations-and-repay</a>
2.	<b>The Star Online</b>	<p><b>Construction stocks continue upward trend</b></p> <p>Construction stocks ended mostly higher, in line with regional markets. The Bursa</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/10/construction-stocks-">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/10/construction-stocks-</a>

		Malaysia Construction Index has risen 3% over the past one month.	<a href="#">continue-upward-trend</a>
--	--	---	---------------------------------------

Penemuan penting & isu:

1. Hatten Land masih belum memulakan pembangunan projek yang pada asalnya dibangunkan untuk pembangunan bercampur bersepadu terdiri daripada pusat membeli-belah, cineplex, dewan konvensyen dan auditorium, bilik mesyuarat, blok hotel dan blok pangaspuri servis. Lembaga telah memutuskan bahawa penjualan harta tersebut adalah untuk kepentingan terbaik syarikat.
2. Beberapa kontrak besar yang menang pada suku pertama termasuk Fasa 2 Pavillion Damansara Heights hingga WCT (RM1.2bil); Aspen Vision City, Pulau Pinang ke Prospek Kerjaya (RM617 juta) dan TRX Residences ke IJM Corp (RM530 juta). Walaubagaimanapun, HLIB Research mengekalkan prospek "neutral" untuk sektor pembinaan tempatan kerana pembetulan yang sudah curam dalam indeks pembinaan sebelum ini

Maklumbalas Bahagian:

1. Semakan pekerja dan gaji mengikut kategori pekerjaan bagi sektor berkaitan.
2. Pemantaunan dan penyenaraian projek-projek pembinaan yang terkesan akibat Pandemik.
3. Menyusun senarai pertubuhan dan projek-projek yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b>	<p><b>Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar US</b></p> <p>Ringgit meneruskan momentum meningkat semalam untuk diniagakan tinggi berbanding dolar US. Mata wang Amerika Syarikat (AS) itu yang semakin lemah susulan pengumuman rangsangan kewangan oleh Rizab Persekutuan AS (Fed). Trend itu dijangka berterusan berikutan kerajaan di seluruh dunia bersedia untuk meningkatkan ekonomi mereka secara fiskal dan monetari.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=1830422">https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=1830422</a>

2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Kempen S.O.S AirAsia dapat sambutan hebat peniaga</b></p> <p>AirAsia telah melancarkan kempen Save Our Shops (S.O.S) pada 4 April lalu bagi membantu peniaga tempatan yang terjejas akibat Covid-19 dengan memasarkan produk melalui platform e-dagang, OURSHOP dan diperkasa oleh Teleport (cabang logistik Kumpulan Air Asia) telah menerima sambutan menggalakkan dengan lebih 3,600 permohonan daripada peniaga. Buat masa ini, perkhidmatan penghantaran ke rumah hanya dijalankan di Semenanjung Malaysia dan akan diperluaskan ke Malaysia Timur serta pasaran antarabangsa dalam masa yang terdekat.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675396/kempen-sos-airasia-dapat-sambutan-hebat-peniaga?utm_source=bh&amp;utm_campaign=reccsys&amp;utm_medium=reccsys">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675396/kempen-sos-airasia-dapat-sambutan-hebat-peniaga?utm_source=bh&amp;utm_campaign=reccsys&amp;utm_medium=reccsys</a>
3.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Bursa Malaysia dibuka rendah</b></p> <p>Dagangan akhir minggu ini, bursa saham Malaysia dibuka rendah berikutan tekanan jualan susulan prestasinya yang baik dalam beberapa hari lalu. Suasana pasaran, bagaimanapun, menyakinkan dengan kaunter untung mengatasi kaunter rugi. Wall Street Amerika Syarikat (AS) terus mencatatkan aliran turun naik tetapi ditutup tinggi susulan Rizab Persekutuan AS mengumumkan pakej pembiayaan berjumlah AS\$2.3 trilion untuk memulihkan ekonomi AS berikutan pandemik COVID-19. Firma penyelidikan itu menjangka trend itu akan mempengaruhi peringkat serantau, terutamanya menjelang hujung minggu.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/675260/bursa-malaysia-dibuka-rendah">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/675260/bursa-malaysia-dibuka-rendah</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Ringgit diniagakan tinggi berbanding dolar US semalam. Mata wang Amerika Syarikat (AS) dilihat lemah susulan pengumuman rangsangan kewangan oleh Rizab Persekutuan AS (Fed). Trend itu dijangka berterusan berikutan kerajaan di seluruh dunia bersedia untuk meningkatkan ekonomi mereka secara fiskal dan monetari.
2. Pelancaran kempen Save Our Shops (S.O.S) oleh AirAsia dilihat akan membantu peniaga tempatan yang terjejas akibat Covid-19 dengan memasarkan produk melalui platform e-dagang telah menerima sambutan menggalakkan dengan lebih 3,600 permohonan daripada para peniaga.
3. Bursa Malaysia dibuka rendah berikutan tekanan jualan susulan prestasinya yang baik dalam beberapa hari lalu. Wall Street Amerika Syarikat (AS) ditutup tinggi selepas Rizab Persekutuan AS mengumumkan pakej pembiayaan berjumlah AS\$2.3 trilion untuk memulihkan ekonomi AS berikutan pandemik Covid-19.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Situasi Ringgit yang diniagakan tinggi berbanding mata wang Amerika Syarikat (AS) dilihat bakal mempengaruhi penyusunan statistik Imbalan Pembayaran dan Akaun Kewangan pada suku tahun kedua 2020.
2. Pelancaran kempen Save Our Shops (S.O.S) oleh AirAsia dilihat akan membantu peniaga tempatan yang terjejas akibat Covid-19 dengan memasarkan produk melalui platform e-dagang bakal dilihat kesannya kepada Akaun Barang dan Perkhidmatan. Pada tahun 2019, eksport barang dan perkhidmatan merekodkan RM987.1 bilion dan import ialah RM872.5 bilion.
3. Amerika Syarikat telah mengumumkan pakej pembiayaan berjumlah AS\$2.3 trilion untuk memulihkan ekonomi AS berikutan pandemik Covid-19. Tindakan ini dapat mencetuskan sentimen yang positif di kalangan pelabur dan juga membantu negara-negara lain untuk memulihkan ekonomi masing-masing pada masa yang sama. Secara tidak langsung, inisiatif yang diambil oleh kerajaan Amerika Syarikat akan mempengaruhi statistik Akaun Kewangan.

F.	<b>Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b>	<b>Hutang dalam negeri dijangka tidak lebih 55 peratus</b>  Hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan dijangka tidak melebihi had statutori 55 peratus susulan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) untuk	<a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675361/covid-19-hutang-dalam-negeri-dijangka-tidak-lebih-55-peratus">https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675361/covid-19-hutang-dalam-negeri-dijangka-tidak-lebih-55-peratus</a>

	<p>mengekang impak negatif penularan COVID-19 terhadap ekonomi.</p> <p>Suntikan fiskal ini, dijangka hutang domestik tidak melebihi 55 peratus dan bermakna tidak terdedah kepada risiko mata wang.</p> <p>Di samping itu, Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi dasar monetarinya dalam usaha menyediakan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi domestik dalam persekitaran tekanan harga yang lemah antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada Januari dan Mac 2020 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 50 mata asas kepada 2.50 peratus.</li> <li>• Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikurangkan sebanyak 100 mata asas pada Mac 2020 kepada Peniaga Utama untuk mengiktiraf Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR.</li> </ul>	
--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Kadar hutang dalam negeri dijangka tidak melebihi 55 peratus bagi menghadapi tekanan daripada wabak COVID-19. Tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi dasar monetari seperti penilaian semula terhadap Kadar Dasar Semalam (OPR) dan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dipercayai dapat mengurangkan beban isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat wabak COVID-19.

**Maklumbalas Bahagian:**

- Ekonomi Malaysia amat bergantung kepada permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta. Oleh itu pendapatan isirumah terjejas merupakan fokus utama dalam pakej PRIHATIN bagi mengembalikan kuasa pembeli dan merangsang permintaan domestik.

<b>G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>My Metro</b>	<p><b>RON95, RON97 turun lima sen</b></p> <p>HARGA runcit petrol RON95 dan RON97 turun sebanyak lima sen seliter, masing-masing kepada RM1.25 dan RM1.55 berkuat kuasa tengah malam ini hingga 17 April.</p> <p>Penurunan sama turut dialami harga runcit diesel yang turun 12 sen kepada RM1.46 seliter.</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata, penurunan harga runcit produk petroleum itu disebabkan kejatuhan berterusan harga minyak mentah dunia susulan keadaan ekonomi yang tidak menentu kerana pandemik Covid-19.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564943/ron95-ron97-turun-lima-sen">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564943/ron95-ron97-turun-lima-sen</a>
2.	<b>The Sun Daily</b>	<p><b>Magnum 4D to stay closed until April 28</b></p> <p>Magnum 4D Malaysia (Magnum) and all its outlets nationwide will remain closed until April 28 following the extension of Movement Control Order (MCO) to that date.</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/local/magnum-4d-to-stay-closed-until-april-28-BB2245289">https://www.thesundaily.my/local/magnum-4d-to-stay-closed-until-april-28-BB2245289</a>
3.	<b>FMT News</b>	<p>Lebih 90% isi rumah di Malaysia mempunyai akses internet dan peratus penggunaan Internet turut meningkat kepada 84.2% pada</p>	<p><b>Capaian Internet di Malaysia meningkat 90%</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/categories/internet">https://www.freemalaysiatoday.com/categories/internet</a></p>

		2019 berbanding 81.2% pada 2018.  Selain itu, peratusan capaian telefon bimbit kekal pada 98.2% pada 2019. Manakal peratusan capaian isi rumah kepada komputer menurun kepada 71.3% pada 2019 berbanding 71.7% pada 2018.  Aktiviti paling popular dalam kalangan pengguna internet adalah menyertai rangkaian sosial (97.1%). Menyertai rangkaian sosial merupakan aktiviti paling popular dalam kalangan pengguna internet pada 2019. Selain tu aktiviti memuat turun gambar, filem, video atau muzik dan bermain atau memuat turun permainan (84.7%) diikuti oleh mendapatkan maklumat tentang barang dan perkhidmatan (83.5%), membuat panggilan telefon melalui Internet/VoIP (77.4%) dan memuat turun perisian atau aplikasi (77.1%).  Analisis pengguna internet mengikut kumpulan umur menunjukkan individu berusia 25 hingga 29 tahun lebih memilih aktiviti perbankan internet (61.5%) dan membeli barang atau Perkhidmatan melalui e-Dagang (45.1%).  Seramai 32.6% pengguna berumur 35 hingga 39 tahun lebih aktif menggunakan Perkhidmatan berkaitan perjalanan atau penginapan perjalanan.	<a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675510/lebih-49-peratus-guna-internet-cari-peluang-pekerjaan">ory/bahasa/2020/04/10/capaian-internet-di-malaysia-meningkat-90/</a>  <b>Lebih 49% guna internet cari peluang pekerjaan</b> <a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675510/lebih-49-peratus-guna-internet-cari-peluang-pekerjaan">https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675510/lebih-49-peratus-guna-internet-cari-peluang-pekerjaan</a>
4.	<b>Berita Harian</b>		<b>Sertai rangkaian sosial paling popular pada 2019</b> <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830468">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830468</a>
5.	<b>Bernama</b>		
6.	<b>The Star</b>		<b>Malaysian households' access to Internet rose to 90.1% end-2019</b> <a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/10/malaysian-households-access-to-internet-rose-to-901-end-2019#.XpB2PgURNdy.whatsapp">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/10/malaysian-households-access-to-internet-rose-to-901-end-2019#.XpB2PgURNdy.whatsapp</a>
7.	<b>Malay mail</b>		<b>Survey: Participating in social networks most popular activity among Internet users in Malaysia</b> <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/10/survey-participating-in-social-networks-most-popular-activity-among-internet-users-in-malaysia">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/10/survey-participating-in-social-networks-most-popular-activity-among-internet-users-in-malaysia</a>

			<a href="https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S037787X19300637">social-networks-most-popular-activity-among-interne/1855471</a>
8.	<b>New Straits Times</b>		<b>Nearly 50% of individuals aged 20 to 24 use internet to seek jobs</b> <a href="https://www.nst.com.my/node/583182/amp">https://www.nst.com.my/node/583182/amp</a>

Penemuan penting & isu:

1. Penurunan harga runcit produk petroleum itu disebabkan kejatuhan berterusan harga minyak mentah dunia susulan keadaan ekonomi yang tidak menentu kerana pandemik Covid-19.
2. Peratusan capaian isi rumah kepada Internet meningkat 3.1 mata peratus kepada 90.1 peratus pada 2019 berbanding 87.0 peratus pada 2018. Manakala capaian isi rumah kepada komputer menurun 0.4 mata peratus daripada 71.7 peratus pada 2018 kepada 71.3 peratus pada 2019. Peratusan isi capaian isi rumah kepada telefon bimbit kekal 98.2 peratus pada 2019.
3. Peratusan penggunaan Internet oleh individu meningkat 3.0 mata peratus daripada 81.2 peratus pada 2018 kepada 84.2 peratus pada 2019. Peratusan individu menggunakan komputer meningkat 1.6 mata peratus daripada 70.5 peratus pada 2018 kepada 72.1 peratus pada 2019. Peratusan individu menggunakan telefon bimbit kekal 97.9 peratus pada 2019.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penurunan harga runcit produk petroleum akan memberi kesan kepada IHP April 2020 secara keseluruhan dan akan turut memberi kesan kepada inflasi Malaysia.
2. Bahagian akan menggunakan kaedah yang bersesuaian dalam pengiraan indeks judi sehingga hujung April 2020. Kaedah ini akan digunakan bagi pengiraan indeks judi Semenanjung Malaysia dan Sarawak sahaja.

<b>H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b>	<b>COVID-19: Peratus kematian masih rendah</b>  Peratus kes kematian pesakit COVID-19 di Malaysia iaitu sekitar 1.58 peratus, adalah jauh lebih rendah berbanding negara	<a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675088/covid-19-peratus-kematian-masih-rendah">https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/675088/covid-19-peratus-kematian-masih-rendah</a>

		lain iaitu sekitar 4.6 peratus atau 5.6 peratus.	
2.	<b>Malaysia Kini</b>	<b>Kadar kes sembah Covid 19 kini 43 peratus</b> Perdana Menteri Muhyiddin Yassin memaklumkan sejumlah 220 pesakit wabak itu sembah berbanding 118 kes baru hari ini.	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/519933">https://www.malaysiakini.com/news/519933</a>
3.	<b>Harian Metro</b>	<b>Pakej rangsangan ekonomi tambahan atasi kesan Covid-19</b>  Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 2.0 (BKSS 2.0) adalah lanjutan kepada Pakej Sarawakku Sayang bernilai RM1.15 bilion yang diumumkan pada 23 Mac lalu. Pakej bantuan tambahan ini khusus untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung pihak terbabit bagi memastikan kesinambungan perusahaan mereka dalam tempoh yang sukar ini.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564887/pakej-rangsangan-ekonomi-tambahan-atasi-kesan-covid-19">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564887/pakej-rangsangan-ekonomi-tambahan-atasi-kesan-covid-19</a>
4.	<b>Astro Awani</b>	<b>COVID-19: PKP dilanjutkan dua minggu lagi</b>  PUTRAJAYA: Kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan selama dua minggu iaitu bermula 15 hingga 28 April ini.	<a href="http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-pkp-dilanjutkan-dua-minggu-lagi-237714">http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-pkp-dilanjutkan-dua-minggu-lagi-237714</a>
5.	<b>Berita Harian</b>	<b>Sesi sekolah tangguh hingga Malaysia pulih COVID-19</b>  Sesi persekolahan akan ditangguhkan sehingga kerajaan benar-benar yakin negara kembali pulih daripada wabak COVID-19.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675497/seси-sekolah-tangguh-hingga-malaysia-pulih-covid-19">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675497/seси-sekolah-tangguh-hingga-malaysia-pulih-covid-19</a>

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah kematian COVID-19 di Malaysia adalah 70 kes daripada 4,346 iaitu 1.6 peratus. Peratusan ini jauh lebih rendah daripada kematian di peringkat global iaitu 5.9 peratus. Jumlah pesakit COVID-19 yang sembah melepas jumlah kes baru untuk hari ketiga berturut-turut hari ini.
2. Sejumlah RM1.1 bilion diperuntukkan kerajaan Sarawak dalam Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 2 (BKSS 2.0) bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana, perusahaan mikro serta penjaja dan peniaga kecil untuk mengekalkan perniagaan mereka akibat kesan wabak COVID-19.
3. Sesi persekolahan akan ditangguhkan sehingga kerajaan benar-benar yakin negara kembali pulih daripada wabak COVID-19. Walau bagaimanapun beliau berkata pelajar sekolah masih perlu meneruskan pembelajaran di rumah.

Maklum balas Bahagian:

1. Bilangan dan kadar kematian bagi tahun 2020 dijangka meningkat berbanding tahun 2019. Data yang tersedia adalah bilangan dan kadar kematian mengikut negeri, daerah pentadbiran, jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik.
2. Pendapatan Isi Rumah di Malaysia akan dikutip semasa Banci 2020. Sekiranya Banci 2020 dilaksanakan pada Julai 2020, kemungkinan pendapatan Isi Rumah mengalami sedikit penurunan daripada pendapatan sebelumnya walaupun telah mendapat ransangan kewangan daripada pihak berwajib.

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Kedai perkakasan di Sabah dibenar buka dua kali seminggu</p> <p>Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini berkata kedai menjual perkakasan dibenarkan beroperasi dua kali seminggu iaitu pada Selasa dan Khamis antara jam 9 pagi hingga 3 petang.</p> <p>Hanya tiga buah kedai menjual perkakasan dibenarkan bagi daerah Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau, Lahad Datu, Penampang, Tuaran,</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/675272/kedai-perkakasan-di-sabah-dibenar-buka-dua-kali-seminggu">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/675272/kedai-perkakasan-di-sabah-dibenar-buka-dua-kali-seminggu</a>

		Beaufort, Ranau, Papar, Sipitang, Tenom dan Kudat dan selebihnya hanya dua kedai dibenarkan beroperasi.	
2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Senarai sektor tambahan dibenarkan beroperasi</b></p> <p>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) hari ini mengumumkan senarai sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi secara berperingkat semasa tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Industri Automotif</li> <li>2) Industri Mesin dan peralatan</li> <li>3) Projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan</li> <li>4) Perkhidmatan sains, profesional dan teknikal termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D)</li> <li>5) Perkhidmatan kesihatan sosial termasuk perubatan tradisional yang berdaftar</li> <li>6) Perkhidmatan kedai ‘hardware’ (perkakasan), kedai barang elektrik dan elektronik dan kedai cermin mata sahaja dalam pemborongan dan peruncitan</li> <li>7) Perkhidmatan gunting rambut asas</li> <li>8) Perkhidmatan dobi.</li> </ul>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675617/senarai-sektor-tambahan-dibenarkan-beroperasi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675617/senarai-sektor-tambahan-dibenarkan-beroperasi</a>
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kedai menjual perkakasan di Sabah dibenarkan beroperasi dua kali seminggu iaitu pada Selasa dan Khamis antara jam 9 pagi hingga 3 petang.</li> </ol>			

2. Kerajaan bersetuju membuka semula beberapa sektor ekonomi secara berperingkat dengan garis panduan penjagaan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat sepanjang tempoh perlanjutan PKP.

Maklumbalas Bahagian:

- Pada suku tahun keempat 2019, bilangan penduduk bekerja adalah 15.25 juta orang. Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh kerajaan persekutuan dan negeri untuk memastikan penduduk bekerja masih kekal bekerja. Bahagian telah mengkaji secara berterusan kesan pelaksanaan PKP terhadap bilangan penduduk bekerja dan turut membuat ramalan untuk indikator utama tenaga buruh bagi suku tahun pertama hingga suku keempat 2020.
- Bilangan penganggur adalah seramai 512.2 ribu orang dan kadar pengangguran adalah 3.2 peratus pada suku tahun keempat 2019. Pelaksanaan PKP dijangka akan memberi kesan kepada pertambahan bilangan penganggur dan kenaikan kadar pengangguran pada suku pertama dan kedua 2020. Kadar pangangguran dijangka meningkat susulan daripada penduduk bekerja yang kehilangan pekerjaan terutamanya di dalam sektor perkhidmatan seperti penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan termasuk penerbangan dan juga sektor pertanian seperti perikanan.
- Pekerjaan “gig” bagi platform perkhidmatan penghantaran makanan dan barang keperluan asas harian dijangka meningkat dalam tempoh PKP kerana orang ramai lebih berhati-hati dengan penularan Covid-19 dan mematuhi perintah penjarakan sosial.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b>	<p><b>Stok bekalan ikan negara melebihi permintaan</b></p> <p>Stok bekalan ikan negara adalah mencukupi dan konsisten dengan bekalan melebihi permintaan</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830437">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830437</a>
2.	<b>Sinar Harian</b>	<p><b>Kerajaan disaran tumpu pertanian berunsur makanan: Rapat</b></p> <p>Persatuan Rapat Rakyat (Rapat) menyarankan kerajaan supaya memberi tumpuan kepada sektor pertanian berunsur makanan dengan memperkenalkan model baharu pasca pandemik koronavirus (Covic-19).</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/78173/BERITA/Nasional/Kerajaan-disaran-tumpu-pertanian-berunsur-makanan-Rapat">https://www.sinarharian.com.my/article/78173/BERITA/Nasional/Kerajaan-disaran-tumpu-pertanian-berunsur-makanan-Rapat</a>

3.	<b>Bernama</b>	<b>Rezeki mencurah-curah nelayan Kuala Muda sepanjang tempoh PKP</b>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830495">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830495</a>
<p>Pendapatan nelayan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semakin meningkat berikutan hasil tangkapan yang banyak</p>			

Penemuan penting & isu:

1. Masalah kekurangan bekalan ikan tidak timbul kerana kebenaran telah diberikan kepada nelayan dan keseluruhan rantaian perbekalannya untuk beroperasi seperti biasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.
  - i. Kedudukan semasa stok bekalan ikan dan hasil laut dalam negara berjumlah 185,000 tan metrik sebulan berbanding dengan keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.
  - ii. Sebanyak 36 persatuan nelayan di seluruh negara telah menjalankan pemasaran secara terus kepada pengguna.
2. Persatuan Rapat Rakyat (Rapat) menyatakan sektor sumber bekalan makanan adalah paling utama serta penting untuk kerajaan melihat 'food security' agar negara tidak terlalu bergantung kepada sumber import.
  - i. Import makanan berjumlah hampir RM52 bilion pada tahun 2018 (peningkatan purata 6.5 peratus setiap tahun sejak 2010 - RM30 bilion), penjimatan hampir RM14-RM27 bilion import makanan jika negara dapat mengeluarkan makanan sendiri atau setengah daripada import tersebut terutama di sektor perladangan, perikanan dan penternakan.
  - ii. Kerajaan mesti menukar polisi dengan memberi lebih tumpuan kepada sektor pertanian berunsur makanan. Pembiayaan bagi sektor pertanian berdasarkan makanan amat penting dalam membangunkan rantaian nilai pertanian.
3. Kira-kira 300 nelayan Kuala Muda yang berdaftar ketika ini mampu menarik nafas lega kerana kebanyakan mereka meraih pendapatan lebih 30 hingga 70 peratus setiap hari bergantung pada jumlah tangkapan hasil laut. Hasil tangkapan nelayan juga meningkat sehingga ada yang mampu membawa balik hasil laut 200 kilogram (kg) setiap kali keluar menangkap hasil laut berbanding sebelum ini sekitar 100 kg sahaja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, didapati PKP secara dasarnya tidak menghalang aktiviti pertanian di jalankan seperti biasa. Ini boleh dilihat daripada hasil pengeluaran yang dikeluarkan untuk komoditi kelapa sawit dan getah masih tinggi berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan.
2. Walaubagaimanapun, analisis khusus impak PKP kepada sector pertanian akan dilaksanakan di peringkat dalaman jabatan untuk melihat kesan secara keseluruhannya.
3. Survey SPAS akan berjalan seperti biasa bagi mendapatkan maklum balas daripada 600 pertubuhan yang terlibat.

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p><b>ERL teruskan penggantungan perkhidmatan susulan lanjutan PKP</b></p> <p>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL), pengendali perkhidmatan kereta api KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KLIA2 dan bandaraya Kuala Lumpur, terus melaksanakan penggantungan sementara perkhidmatan sehingga tempoh pelanjutan PKP.</p> <p>ERL akan segera mengumumkan jadual baharu untuk menyediakan perkhidmatan kereta api yang diperlukan oleh penumpang tren dan penumpang udara sebaik sahaja PKP tamat.</p> <p>Pengendali perkhidmatan awam di beberapa negara seluruh dunia juga mengambil langkah sama menggantung sementara perkhidmatan mereka termasuk City Airport</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830653">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1830653</a>

		Train di Vienna, Rhonexpress di Lyon, Gatwick Express di London, Gautrain di Johannesburg dan di Airport Express Line di New Delhi.	
2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>COVID-19: Peluang kerajaan seluruh dunia ubah struktur ekonomi</b></p> <p>Menerusi analisis bertajuk 'Keutamaan Dasar Bagi Mengurus Impak Ekonomi Global Akibat Krisis COVID-19' oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), krisis semasa membuktikan kewujudan ketara dari segi kekurangan penjagaan kesihatan, gaji, kualiti kerja serta jaringan keselamatan sosial.</p> <p>Pakar berpendapat sekarang bukanlah masanya untuk melaksanakan perubahan struktur ekonomi sebaliknya usaha perlu bertumpu kepada menyelamatkan sebanyak mungkin perniagaan dan pekerjaan.</p> <p>Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan 170 negara akan mencatat pertumbuhan pendapatan per kapita negatif pada tahun ini - impak ekonomi terburuk sejak Zaman Kemelesetan Besar, baik bagi negara maju maupun ekonomi sedang pesat membangun.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675464/covid-19-peluang-kerajaan-seluruh-dunia-ubah-struktur-ekonomi">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675464/covid-19-peluang-kerajaan-seluruh-dunia-ubah-struktur-ekonomi</a>
3.	<b>Malay Mail</b>	<b>Economists applaud govt's decision to reopen several selected sectors of economy</b>	<a href="https://www.malaymail.com/news/asia/2020/04/10/economists-applaud-govt-s-decision-to-reopen-several-selected-sectors-of-economy">https://www.malaymail.com/news/asia/2020/04/10/economists-applaud-govt-s-decision-to-reopen-several-selected-sectors-of-economy</a>

		<p>Economists welcomed the government's decision to reopen several selected sectors of the economy in stages during the extended movement control order (MCO) based on healthcare guidelines and strict movement control.</p> <p>Bank Islam chief economist cited the manufacturing sector as one of the sectors that should be focused by the government as it accounts for 85 per cent of the country's exports and imports. Meanwhile Bank Muamalat Malaysia Bhd economist suggested more emphasis should be given to the export-oriented segment, as its non-operation has affected businesses and their financial sustainability.</p> <p>SME Association of Malaysia board member agreed with the proposed reopening of several selected economic sectors as the country has not yet fully stabilised from the Covid-19 impact. Government should consider reopening the sectors related to small and medium enterprises (SMEs), especially those involving food, medical services and logistics.</p>	<a href="http://www.bisnes.com.my/bisnes/korporat/2020/04/1855508">conomists-applaud-govts-decision-to-reopen-several-selected-sectors-of-eco/1855508</a>
4.	Berita Harian	<p><b>Tesco lancar khidmat pesanan barang melalui WhatsApp</b></p> <p>Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd melancarkan perkhidmatan Pesan &amp; Ambil, di</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675546/tesco-lancar-khidmat-pesanan-barang-melalui-whatsapp">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675546/tesco-lancar-khidmat-pesanan-barang-melalui-whatsapp</a>

	<p>mana pelanggan boleh membuat pesanan untuk barang keperluan dapur melalui WhatsApp dan mengambil pada hari yang sama.</p> <p>Tawaran baharu yang boleh didapati di 53 daripada 60 cawangan Tesco di seluruh negara akan melengkapkan perkhidmatan penghantaran Tesco Online.</p> <p>Perkhidmatan ini telah dilancarkan pada awal minggu ini telah menyaksikan lebih 1,000 pelanggan memilih untuk Pesan &amp; Ambil. Buat masa ini, setiap cawangan Tesco hanya dapat mengambil 100 pesanan pertama sehari, dengan maksimum 25 barang keperluan dapur setiap pesanan.</p> <p>Pelanggan boleh membuat pesanan melalui WhatsApp pada bila-bila masa antara pukul 8 pagi hingga 4 petang setiap hari, dengan pengambilan sebelum 6 petang pada hari yang sama. Tiada caj perkhidmatan tambahan dikenakan untuk perkhidmatan itu.</p>	
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL), pengendali perkhidmatan kereta api KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KLIA2 dan bandaraya Kuala Lumpur, akan terus melaksanakan penggantungan sementara perkhidmatan sehingga tempoh pelanjutan PKP tamat. Pengendali perkhidmatan awam di beberapa negara seluruh dunia turut mengambil langkah sama menggantung sementara perkhidmatan mereka termasuk City</li> </ol>		

Airport Train di Vienna, Rhonexpress di Lyon, Gatwick Express di London, Gautrain di Johannesburg dan Airport Express Line di New Delhi.

2. Ahli ekonomi mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk membenarkan beberapa sektor terpilih untuk beroperasi sepanjang tempoh lanjutan PKP yang dilanjutkan sehingga 28 April 2020 berdasarkan garis panduan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat. Ketua ekonomi Bank Islam menyatakan sektor pembuatan sebagai salah satu sektor yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan kerana menyumbangkan 85 peratus daripada keseluruhan import dan eksport negara. Sementara itu, ahli ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd mencadangkan penekanan perlu diberi kepada segmen berorientasikan import-eksport di mana penutupan operasi menjaskankan perniagaan dan kestabilan kewangan syarikat berkaitan. Ahli Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia bersetuju dengan cadangan kerajaan memandangkan ekonomi negara masih belum stabil kesan pandemik Covid-19 serta mencadangkan kerajaan mempertimbangkan operasi bagi sektor berkaitan PKS terutamanya melibatkan makanan, perkhidmatan kesihatan dan logistik.
3. Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd melancarkan perkhidmatan Pesan & Ambil, di mana pelanggan boleh membuat pesanan untuk barang keperluan dapur melalui WhatsApp dan mengambil pada hari yang sama di 53 daripada 60 cawangan Tesco di seluruh negara. Setiap cawangan Tesco hanya dapat mengambil 100 pesanan pertama sehari, dengan maksimum 25 barang keperluan dapur bagi setiap pesanan. Pesanan melalui WhatsApp boleh dilaksanakan antara 8 pagi hingga 4 petang setiap hari, dengan pengambilan sebelum 6 petang pada hari yang sama serta tiada caj perkhidmatan tambahan dikenakan untuk perkhidmatan tersebut.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan berdasarkan SGT ST4 2019:
  - i) Terdapat sebanyak 8.5 juta jawatan diisi di mana sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar (52.5%), diikuti Pembuatan (25.6%) dan Pembinaan (15.5%). Manakala sektor Pertanian meliputi 5.4 peratus dan Perlombongan & pengkuarian sebanyak 1.0 peratus.
  - ii) Jawatan diisi bagi sektor Pertanian adalah sebanyak 459 ribu, di mana sebahagian besar disumbangkan oleh subsektor Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan\*.
  - iii) Sebanyak 1.3 juta jawatan diisi terdapat di sektor Pembinaan dengan sumbangan utama oleh subsektor Pembinaan bangunan\*.
  - iv) Sektor Pembuatan menjadi penyumbang kedua terbesar jawatan diisi iaitu sebanyak 2.2 juta. Salah satu subsektor utama ialah Pembuatan elektrik dan elektronik\*.
  - v) Sektor Perkhidmatan meliputi jawatan diisi sebanyak 4.4 juta di mana subsektor Perdagangan borong dan runcit\* menyumbang lebih

satu pertiga manakala subsektor Pengangkutan dan penyimpanan\* dengan sumbangan di bawah 10 peratus.

2. Statistik pekerja berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut\*\*:

- i) Pertanian: 1,857 ribu orang (12.2%)
- ii) Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan: 444 ribu orang (2.9%)
- iii) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
- iv) Pembuatan: 2,588 ribu orang (17.0%)
- v) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
- vi) Hartanah dan perkhidmatan perniagaan: 1,140 ribu orang (7.5%)
- vii) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
- viii) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)

3. Berikut merupakan perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

<b>Saiz</b>	<b>Bil. Pertubuhan</b>	<b>Bil. Pekerja</b>	<b>Gaji &amp; Upah (RM Juta)</b>
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
<b>Jumlah</b>	<b>920,624</b>	<b>8,732,238</b>	<b>245,696</b>

4. Berikut merupakan perangkaan utama PKS mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

<b>Aktiviti Ekonomi</b>	<b>Bil. Pertubuhan</b>	<b>Bil. Pekerja</b>	<b>Gaji &amp; Upah (RM Juta)</b>
Pertanian	10,218	186,444	3,208
Perlombongan & pengkuarian	865	20,674	636
Pembuatan	47,698	1,039,662	26,169
Pembinaan	39,158	630,063	13,706
Perkhidmatan	809,126	3,775,717	84,739
<b>Jumlah</b>	<b>907,065</b>	<b>5,652,560</b>	<b>128,459</b>

\*Data subsektor tidak diterbitkan.

\*\*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan.

## Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri

